

72 pelajar asing beranikan diri sertai program bahasa Inggeris di UMS

Rachel Basnayake DE 21.10.2014 3

KOTA KINABALU: Ia sentiasa memerlukan keberanian untuk berpindah ke sebuah negara yang baru, lebih-lebih lagi apabila anda adalah lepasan sekolah tinggi dan terpaksa melindungi diri anda sendiri.

Itulah apa yang dihadapi 72 pelajar baru Program Persediaan Intensif Inggeris di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Mereka terdiri 69 pelajar yang datang dari China dan tiga dari Kemboja, kedua-dua datang dari negara yang berlainan kebudayaan, agama, tradisi dan kaum, perpindahan ke Malaysia tentu sekali menjadi pengalaman yang menakutkan yang diharungi pelajar-pelajar baru ini.

Tetapi yang menghairankan, mereka kelihatan seolah-olah tidak takut atau gementar sama sekali. Mereka lebih kelihatan gembira dan bertenaga pada majlis menyambut kedatangan mereka pada Isnin. Sen Faizah, 18, seorang pelajar molek kelihatan serupa dengan mana-mana gadis Melayu yang mana dia mudah disalah orang namun remaja yang malu ini berasal dari Kemboja.

“Universiti ini sangat besar. Tidak seperti di Kemboja, yang mana universiti di sana kecil,” katanya sambil menambah, “Saya mahu menjadi doktor perubatan.”

“Saya mahu menjadi seorang doktor kerana atas tiga perkara. Pertama, saya mahu membantu keluarga dan orang kampung saya. Kedua, saya mahu mendapat lebih banyak wang untuk membantu keluarga-keluarga miskin dan ketiganya, untuk membantu negara saya. Ia tidak membangun. Saya mahu mengubahnya, untuk menjadi lebih seperti Malaysia,” katanya. Sementara itu, seorang lelaki berusia 17 tahun, Wang Zhuo berasal dari Hunan, China yang berpakaian sut lengkap, seolah-olah sudah bersedia menghadapi sebarang cabaran.

“Saya suka di sini, walaupun saya terpaksa mengatakan waktu pagi di sini agak panas berbanding sebelah petang,” katanya.

“Masyarakatnya lebih mesra. Saya tidak takut sesat di sini, mereka akan bantu saya sekiranya saya minta tidak seperti di China.”

“Makanan di sini murah berbanding di kampung halaman, walaupun terdapat sesetengah barangan di sini lebih mahal,” kata Wang.

“Bapa saya pada mulanya tidak berminat, dia lebih bimbang dengan perjalanan yang jauh. Tetapi akhirnya dia datang juga,” katanya mengenai reaksi ibu bapanya apabila dia mahu datang Sabah.